

PENGUMUMAN PENTING

1. PENGEMASKINIAN PENDAFTARAN SST VENDOR / PEMBEKAL DI DALAM SISTEM TNB

Selaras dengan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau *Sales and Service Tax* (SST) yang akan bermula pada 1 September 2018*, TNB sedang mengumpul dan mengemaskini maklumat vendor dan pembekal yang telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (“JKDM”) di bawah Akta Cukai Jualan atau Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Ini bertujuan untuk memastikan hanya vendor dan pembekal TNB yang berdaftar dengan JKDM sahaja yang boleh mengenakan cukai terhadap mana-mana pembekalan dan perkhidmatan yang diberikan kepada TNB.

Bagi mengelakkan sebarang kesulitan berkaitan pembayaran, **semua vendor dan pembekal TNB yang telah berdaftar dengan JKDM hendaklah mengemukakan sesalinan surat kelulusan pendaftaran daripada JKDM dengan kadar segera ke ssdproc@tnb.com.my** . Kegagalan untuk memajukan salinan surat kelulusan JKDM ini akan menyebabkan pengemaskinian nombor SST tidak dapat dilakukan.

2. TAX CODE BAGI TUJUAN e-INVOICE

Bermula 1 September 2018*, vendor dan pembekal yang mengeluarkan invois menggunakan *e-invoice* perlu menggunakan *tax code* seperti berikut :

Sales Tax		
Vendor Status	Tax Code	Rate
Registered for Sales Tax	P1	10%
Registered for Sales Tax	P5	5%
Registered for Sales Tax but cannot charge	PZ	0%
Not registered for Sales Tax	PZ	0%

Service Tax		
Vendor Status	Tax Code	Rate
Registered for Service Tax	PT	6%
Registered for Service Tax but cannot charge	PZ	0%
Not registered for Service Tax	PZ	0%

* tertakluk kepada undang-undang berkaitan SST yang akan diwartakan

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas boleh disalurkan ke:

Emel: coe-tax@tnb.com.my

Terima kasih.

Nota:

Untuk makluman, nombor pendaftaran JKDM TNB adalah W10-1808-31022372.